

**Kontrak Hadapan KLCI Tinggi Pada Tengah Hari Walaupun Prestasi Pasaran Tunai Bercampur-Campur**  
**Bername**  
**17 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 17 Mac (Bernama) -- Kontrak hadapan FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) di Bursa Malaysia Derivatif kebanyakannya tinggi pada tengah hari walaupun prestasi pasaran tunai bercampur-campur, kata peniaga.

Pada rehat tengah hari, Mac 2014 meningkat 4.5 mata kepada 1,801.5, April 2014 menambah 5.0 mata kepada 1,800.5, Jun 2014 menokok 4.0 mata kepada 1,793.5 dan September 2014 tidak berubah pada 1,789.

Jumlah dagangan sebanyak 3,716 lot manakala kepentingan terbuka sebanyak 34,206 kontrak.

Kadar asas FBM KLCI mengakhiri sesi pagi pada 1,809.05, susut 3.93 mata.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/newsindex.php?id=1022457>